# Banjar



## Ibu Negeri

*Banjarmasin yang terkenal menjadi*

*adalah mempunyai perhubungan-perhubungan yang ramai*

*jalan perahu.*

*Siang malam di tempat perusahaan-perusahaan*

*yang utama, kayuh, soto, lemang dan*

*iaitu selaian daripada jualan di darat-darat*

*Borneo*



*Di dalam gambar-gambar yang diturunkan di sini nampak bagaimana sibuknya perahu-perahu yang digunakan kerana perniagaan di dalam sungai ini. Di dalam gambar yang di kanan di sebelah bawah kelihatan sebuah jambatan yang menyeberangi sungai Murtapura. Jambatan ini diperbuat daripada kayu (Oleon-kata orang banjar). Dahulunya jambatan ini sangat molek kerana di tengah-tengahnya terbuka dengan luas untuk kapal-kapal Lanca pergi balik di situ. Tetapi pada masa sekarang jambatan ini diutamakan hanya bagi lalu lintas sahaja. Gambar di tengah-tengah adalah menunjukkan pusat perniagaan di bandar ini, gambar-gambar lain menujukka bagaimana sibuknya perhubungan di sungai ini.*



# MASIN

## Kalimantan Selatan

*anak negeri tanah tumpah darah orang-orang Banjar*

*XXXX dahulu sungai dengan kapus dengan*

*dengan perahu mengambil bahagian*

*dan selalunya adalah menjadi jualan di sungai-sungai itu*

*perhubungannya dengan daerah-daerah lain pulau*

*luas itu.*





*Sungai yang besar di kota Banjarmasin itu bernama Singa Murtapura. Pada usim kemarau airnya payau sebab air laut sampai ke sana. Kerana di sana tidak ada air payau maka pasa masa itu air adalah menjadi jualan yang laku- dijual di merata-rata tempat di situ, Mereka yang menjual air atau banyu-kata orang Banjar, terpaksalah mudik ke hulu-hulu dan mencedok air-air itu kemudian di bawa ke hilir  sungai untuk dijual. Ini menjadi satu perusahaan yang berfaedah kerana penduduk kota Banjarmasin itu ramai hampir-hampir kepada angka di antara tiga suku dengan semilion orang.*





*Shigoro Yushani Menteri Utusan Jepun di Mesir telah mengadap Presiden Jeneral Najīb di Kaherah pada pertengahan bulan Januari yang lalu.*





*Jeneral China, pemimpin Mao Mao nombor 2 telah dapat ditangkap. Jeneral China, nama asalnya Waharuhiyu Etoti, telah luka di lehernya dalam satu pertempuran di antara kumpulan Mao Mao dnegan tentera di daerah Nyeri Kenya ia telah dibawa terbang dengan kapal terbang kecil dari tempat pertempuran Kenirobi, ibu Kota Kenya. Kerajaan Kenya telah menurunkan sebanyak 250 Paun atas kapalnya. Jeneral China sedang diusung kereta sakit setelah ia ditawan pada 15 Januari yang lalu. Gambar-gambar A. P.*